R B198 AAB
MAHATHIR -- MIM
(I)
(EMBARGO: UNTUKSIARAN SELEPAS JAM 2300 HARI INI).

1984

PETALING JAYA, 28 DIS. (BERNAMA) -- PEMILIKAN DAN PENGUASAAN RAKYAT MALAYSIA YANG SEMAKIN BESAR KE ATAS PERBADANAN ASING YANG BERPANGKALAN DI NEGARA INI SEHARUSNYA MEMBOLEHKAN MALAYSIA MENGORAK LANGKAH YANG LUAS DARI SEGI PERKEMBANGAN PERDAGANGAN ASING DAN PERINDUSTRIAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD DI SINI MALAM INI.

PERDANA MENTERI YANG MENSIFATKAN SEKTOR SWASTA SEBAGAI +CABANG PERDAGANGAN DALAM PERUSAHAAN NEGARA+ DI BAWAH KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA (MIC) BERKATA, TUJUAN MENAMBAH PEMILIKAN DAN PENGUASAAN TEMPATAN KE ATAS PERBADANAN SEUMPAMA ITU IALAH-MENGGUNAKANNYA BAGI FAEDAH MAKSIMUM DAN MELUASKANLAGIASAS OPERAS1 NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP DIMAJLIS JAMUAN INSTITUT PENGURUSAN MALAYSIA (MIM), DI MANA BELIAU DIKURNIAKAN FELLOWSHIP KEHORMAT.

BELXAU MENGGARISKAN DALAM UCAPANNYA HALUAN, DASAR DAN KONSEP BARU KERAJAAN YANG MENCERMINKAN KEAZAMANNYA MEMUPUKEKONOMI YANG MENGGALAKKAN +PERUSAHAAN YANG KUKUH.+

BERCAKAP TERUS TERANGMENGENAI KELEMAHAN PARA USAHAWAN MALAYSIA, BELIAU BERKATA= +RAKYAT MALAYSIA MEMANG TIDAK TAHU BEKERJ'A SAMA. TOLERANSI DAN PERSEFAHAMANBUKANAMALANMEREKA.+.

MENYENTUH PERTANIAN, DATUK SERIDR.MAHATHIR BERKATA PENEKANAN KERAJAAN SUPAYA PERTANIAN DIJADIKAN BIDANG KOMERSIL,MEMERLUKANPARA USAHAWAN TETAPI MALANGNYAWALAUPUNBERIBU-RIBUANAK PETANIBELAJAR DIUNIVERSITI, PERUSAHAAN DAN PENGURUSAN BUKANLAHMATA PELAJARAN YANG MEREKA PELAJARI.

INIPERLU MEREKA UBAH, TEGASNYA.

KETIA MENEGASKANPERLUNYA MENCAPAI KESEMPURNAAN DAN KEGEMILANGAN BELIAU BERKATA SEBAGAI CONTOH PARAAHLI PERDAGANGAN MESTILAH MEMPUNYAI TATACARA YANG TINGGI DANMEMBERI PERHATIAN TERHADAP MUTU DANJIKAPERLU+KITA HARUS DAPAT MELETAKKAN BARANG KELUARAN KITADI ATASPARA-PARA KEDAI ASING+TANPA MENUNGGU'KEDATANGAN ORANG TENGAH.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAUYAKINBAHAWAIKLIMSEKARANG ADALAH YANG PALING BAIK WUJUD SELEPAS MERDEKA KEPADA MASYARAKAT USAHAWAN TEMPATAN.

BELIAU BERKATA WALAUPUN SIKAP SUKA BERGANTUNG SEMAKXN HAPUSDI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA NAMUN ADALAH PENTINGBAGITOKOH-TOKOH PERNIAGAAN DAN PERDAGANGAN MEMERIKSADIRISENDIRI BAGS MENENTUKAN MEREKALEBIHBERDIKARI DAN SEMAKIN KURANG'MENGHARAPKAN PERLINDUNGAN KERAJAAN.

+KITAMUDAHDAPATMELIHATSUBSIDI UNTUK PARA PETANI DAN PENDUDUKDESAKITA,TETAPISUBSIDITIDAKLANGSUNG DAN LANGKAH PERLINDUNGANJUGA WUJUD AGAK MELUAS DI KALANGAN SYARIKAT USAHAWAN DAN PERDAGANGAN, + UJARNYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN BERKEWAJIPAN TERHADAP KEADAAN MASA DEPAN DAN INI TERBAYANG PADAPENGENALANKURIKULUMBARUDI SEKOLAH-SEKOLAH. YANG DIRANGKA BAGIMEWUJUDKAN KEMAHIRAN PENGURUSAN DAN MANIPULASI DI KALANGAN USAHAWAN DAN GOLONGAN PEKERJA MASA DEPAN.

- LAGI.

U B205 AAB

MAHATHIR -- MIM 3 PETALING JAYA.

MENYENTUH DASAR PERTANIAN KERAJAAN DAN KONSEP MIC, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERTANIAN SECARA USAHA SAMA AKAN MENJADI ASAS BAGI MENSNCKATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DESA.

IA HENDAKLAH MENEKANKAN USAHA MEMPERDAGANGKAN SUMBER DAN KEKAYAAN EKONOMI DESA, DARIPADA MENGEKALKANNYA SETAKAT PARAS MENCUKUPI KEPERLUAN SENDIRI, UJARNYA.

MENGENAI PENSWASTAAN, PERDANA MENTERI BERKATA IA AKAN MENGGALAK PERSAINGAN YANG LEBIH HEBAT DALAM KEGIATAN EKONOMI DAN BUKAN KETAKATAN MENERUSI MONOPOLI DAN TINDAKAN TEGAS KERAJAAN.

BELIAU JUGA MENYARANXAN DIADAKAN SEMINAR DAN KWRSUS PENGURUSAN YANG DAPAT MENYEMAI SIKAP YANG BETUL SEPERTI PERLUNYA KERJA BERPASUKAN, TOLERANSI DAN PERSEFAHAMAN KERANA HANYA DENGAN INI PERNXAGAAN BOLEH BERKEMBANG PESAT DAN DAPAT MENENTUKAN KEJAYAAN DASAR EKONOMI BARU.

TENTANG MIM, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP IA AKAN MAJU UNTUK MAMPU MENJADI WAKIL MALAYSIA YANG UTAMA DI PERHIMPUNAN PENGURUSAN ANTRABANCSA. - BERNAMA.

2200MST 28.12 A L